

Pesakit kanser bangga jadi sukarelawan

BATU PAHAT - "Saya betul-betul berbesar hati diberi peluang untuk menjadi salah seorang perintis sukarelawan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor," kata pesakit kanser, Siti Masliza Ishak, 24.

Dia juga berbangga apabila kumpulan sukarelawan itu ditubuhkan di tempatnya menurut ilmu iaitu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Walaupun disahkan menghidap kanser darah tahun lalu, Siti Masliza tetap tabah dan kental melawan penyakitnya itu.

"Saya cukup bersemangat untuk menyertai kumpulan Perintis Sukarelawan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor kerana ia adalah ilham Almarhum Tunku Abdul Jalil sewaktu hayatnya yang juga penghidap kanser.

"Saya menyertai kumpulan sukarelawan ini kerana ingin menaikkan semangat pesakit kanser lain untuk terus tabah menjalani kehidupan dan terus melawan penyakit. Walaupun pesakit

kanser ini di ambang kematian, semua itu adalah kekuasaan ALLAH kerana ada juga yang masih boleh dirawat," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penutupan Fieskom UTHM 2016, di Dewan Sultan Ibrahim, kelmarin.

Siti Masliza berkata, penyertaannya dalam kumpulan sukarelawan itu juga secara tidak langsung membantunya untuk terus bersemangat melawan penyakitnya.

"Kalau saya tak kuat, keadaan saya mungkin bertambah parah, tambah lagi saya terpaksa menjalani rawatan kimoterapi.

"Kekuatan saya selama ini adalah sokongan dan semangat yang tidak putus daripada ahli keluarga dan juga kenalan saya," katanya.

Penuntut di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) itu pernah menangguhkan pengajianannya di UTHM selama dua semester akibat kesihatannya yang teruk dan terpaksa menjalani rawatan kimoterapi di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.



Siti Masliza (belakang, dua kanan) bersama Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah dan Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah serta sukarelawan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.